



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

AYUH DIK KITA KE SEKOLAH

10 DISEMBER 2019 (SELASA)

SWISS GARDEN, BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirahim

Yang berusaha saudara dan saudari Pengerusi
Majlis,

YBhg. Dato' Nor Hisham bin A Dahlan
Datuk Bandar Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Ibrahim bin Yusoff,
Pengarah Eksekutif (Pembangunan
Sosioekonomi, DBKL

Yang berusaha Encik Anwar bin Mohd Zain
Pengarah, Jabatan Pembangunan Komuniti dan
Kesejahteraan Bandar, DBKL

Ketua-Ketua Jabatan

Tuan-tuan dan puan-puan seterusnya anak-anak
yang diraikan sekalian

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya, dapat bersama-sama kita berkumpul pada hari ini untuk Program "*Ayuh Dik* *Kita Ke Sekolah*" anjuran Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL bagi tahun 2019.

Para hadirin sekalian,

Melalui Program Inisiatif Wilayah Peduli, DBKL untuk pertama kalinya memberi sumbangan kepada pelajar dari Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih dan Pusat Bimbingan DBKL yang berusia di antara 7 hingga 12 tahun. Seramai 200 orang

anak-anak yang layak menerima sumbangan telah dipilih untuk meringankan beban golongan ibu bapa dalam membuat persiapan persekolahan yang bakal menjelang.

Saya percaya, semua ibu-bapa menaruh harapan untuk melihat kejayaan anak-anak, tidak kira sama ada dalam bidang pendidikan mahupun kehidupan mereka. Masalah kemiskinan tidak boleh dijadikan sebagai penghalang kepada anak-anak bagi mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Bagi memastikan anak-anak kita tidak mewarisi kemiskinan, hanya satu cara sahaja iaitu memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak.

Menjelang 2020, hasrat kerajaan bagi membentuk masyarakat yang mempunyai kelas pemikiran

pertama tidak akan tercapai jika anak bangsa kita ketinggalan dalam ilmu pengetahuan. Untuk maju, pendidikan adalah tiang bagi negara mewujudkan masyarakat yang maju. Oleh itu, sebagai ibu bapa, tugas kita bukan sahaja hanya mencari rezeki untuk keluarga malahan memastikan anak-anak berjaya dalam pelajaran dan hidup di dunia dan akhirat.

Bagi pihak kerajaan, DBKL akan sentiasa berusaha bagi melaksanakan pelbagai program bagi pembangunan komunitinya. Antara program pendidikan yang dilaksanakan ialah Program Taman Sang Kancil, Kelas Tuisyen dan Pusat Bimbingan Pelajar. Bagi memastikan kebajikan anak-anak tidak terabai sehingga menjejaskan pelajaran mereka, maka pihak DBKL telah

mengadakan Program “*Ayuh Dik Kita Ke Sekolah*” ini bagi membantu mengurangkan beban yang ditanggung.

Ibu bapa dan anak-anak sekalian,

Saya percaya kita sering mendengar masalah gejala sosial seperti mat rempit, penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah, merokok, ragut, lepak dan sebagainya yang berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini. Saya amat bimbang gejala ini akan semakin merebak ke dalam masyarakat kita sehingga ia sukar untuk dibendung. Justeru itu, peranan ibu bapa amatlah penting bagi memastikan anak-anak kita tidak terlibat dalam kancah gejala sosial tersebut. Cabaran menjadi ibu bapa pada zaman sekarang amat berbeza

berbanding zaman dahulu apatah lagi jika tinggal di bandar besar seperti Kuala Lumpur ini. Oleh itu, saya berharap ibu bapa sentiasa mengambil berat perihal anak-anak kita walaupun sibuk mencari rezeki buat keluarga kerana anak-anak merupakan permata negara dan bangsa.

Buat anak-anak di hadapan saya ini, berilah perhatian yang sepenuhnya kepada pelajaran agar menjadi insan yang cemerlang. Jauhilah diri anda dari sebarang kegiatan yang tidak bermoral kerana ia boleh merosakkan masa depan anda. Jadikan sumbangan yang diterima ini sebagai pembakar semangat untuk anda belajar lebih bersungguh-sungguh dan berbakti kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Besarlah harapan saya dengan adanya sumbangan ini akan dapat meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh tuan-tuan dan puan-puan sempena sesi persekolahan yang akan dibuka tidak lama lagi. Ibu bapa bolehlah menukar baucer berjumlah RM150.00 yang terdapat di dalam sampul surat di kedai buku Pustaka Rakyat yang telah ditetapkan.

Saya turut berharap agar Program "*Ayuh Dik Kita Ke Sekolah*" ini akan dapat membantu anak-anak kita agar dapat memulakan sesi persekolahan dengan keadaan yang lebih selesa dan semangat yang berkobar-kobar untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh. Apa yang

lebih penting adalah agar tuan-tuan dan puan-puan dapat keluar daripada kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup yang lebih baik di masa hadapan.

Sebagai mengakhiri ucapan ini, sukacita sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabilahi taufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.